

HARTANAH

Sistem Panel O-Stable, inovasi dalam pembinaan

Teknologi jimat kos tenaga buruh, susun atur kediaman lebih menarik

Oleh Nurhayati Abillah
nurhayatiabillah@bh.com.my

Pembinaan pasang siap kini menjadi pilihan dalam kalangan pemaju kerana ia berupaya menjanjikan penghasilan produk berkualiti tinggi, mampu milik, berdaya tahan, memendekkan tempoh pembinaan dan meminimumkan pembaziran terutama membabitkan

kos tenaga pekerja.

Selain teknologi Sistem Binaan Berindustri (IBS) yang menggunakan konsep sedemikian, rekaan inovasi 'Sistem Panel O-Stable' juga antara pilihan pemaju yang berupaya menghasilkan produk pembinaan yang setanding.

Teknologi berkenaan dijangka mampu memendekkan tempoh pembinaan antara 30 hingga 50 peratus berbanding kaedah konvensional, selain menjimatkan kos tenaga buruh.

Sistem Panel O-Stable turut membantu menjadikan pembinaan lebih fleksibel bagi memenuhi susun atur dan reka bentuk kediaman yang diinginkan, sekali gus meminimumkan risiko kerosakan binaan.

Pengasas inovasi berkenaan yang juga Pengarah Urusan O-Stable Panel Sdn Bhd, Khoo Tian, berkata Sistem Panel O-Stable boleh dianggap seperti permainan 'cantuman blok lego'

kerana ia boleh dibentuk dan direka mengikut citarasa yang dimahukan.

"Ia memiliki ciri seni bina menarik seperti lengkungan dan 'round columns' mengikut kesesuaian kediaman.

"Menerusi sistem itu, ia turut membolehkan pengaliran udara lebih sistematik dengan membebaskan udara panas dan menukar masuk udara sejuk ke dalam rumah.

"Ini sekali gus menawarkan suasana dalam kediaman yang lebih selesa, tidak panas dan paling penting menjadikan pengudaraan di dalam kediaman lebih bersih dan menjimatkan kos penggunaan elektrik yang tinggi berikutan penggunaan pendingin hawa atau kipas," katanya dalam satu temubual bersama BH, baru-baru ini.

Malah katanya, mengikut prinsip 'Feng Shui', Sistem Panel O-Stable juga mampu membawa masuk keharmoni

dan ketenangan di dalam rumah.

Mengulas lanjut beliau berkata, teknologi berkenaan juga bersesuaian dalam membangunkan kediaman mampu milik yang kini menjadi salah satu agenda penting kerajaan.

"Sistem Panel O-Stable memiliki kelebihan dalam memendekkan tempoh pembinaan dan berupaya menjimatkan kos pekerja yang ramai.

Contohnya pembinaan sebuah banglo, jika mengikut kaedah konvensional ia mungkin mengambil masa kira-kira setahun, namun menerusi inovasi itu, binaan itu boleh disiapkan dalam tempoh empat hingga lima bulan.

"Ia juga mengurangkan risiko kerosakan atau 'zero defect'. Justeru, penggunaan teknologi itu boleh digunakan bagi pembinaan rumah mampu milik dan pada masa sama ia dapat membantu mengurangkan harga

kediaman yang ditawarkan kerana ia tidak membabitkan jangka masa pembinaan terlalu lama dan pekerja binaan yang ramai terutama menggunakan pekerja asing.

"Selain itu, struktur binaan lebih kukuh dan berkualiti berbanding kaedah pembinaan konvensional," katanya.

Sistem Panel O-Stable mula dibangunkan pada 1994 menerusi penyelidikan dan kajian Tian, sebelum ia dikomersialkan sepenuhnya pada 2001.

Teknologi berkenaan turut mendapat perhatian dari beberapa negara luar seperti Arab Saudi, Amerika Syarikat dan New Zealand.



Menerusi sistem itu, ia turut membolehkan pengaliran udara lebih sistematik dengan membebaskan udara panas dan menukar masuk udara sejuk ke dalam rumah.

Khoo Tian,
Pengarah Urusan O-Stable Panel Sdn Bhd

